

Perubahan struktural, metodologi tangani isu kemiskinan



Datuk
Dr Roslan
Mahmood

Ketua Kluster Pembangunan Kepakaran, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Kemiskinan antara isu utama dihadapi negara di dunia sama ada negara maju, sedang membangun dan kurang membangun.

Kemiskinan berlaku apabila individu menghadapi kekurangan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian; pendapatan diperoleh tidak mencukupi bagi membentuk keperluan asas; tidak mempunyai modal atau daya pengeluaran untuk menjana pendapatan berterusan.

Kadar kemiskinan berbeza mengikut negara memandangkan kaedah pengukuran kemiskinan digunakan berlainan.

Malaysia menggunakan paket standard Canberra Group Handbook on Household Income Statistic dan penetapan Garisan Pendapatan Kemiskinan (PLI) berdasarkan keperluan asas isi rumah. Pendapatan isi rumah di bawah PLI dikategorikan sebagai miskin.

Begini juga ketiadaan pemilikan harta seperti wang tunai, saham, bangunan, jentera dan tanah, penggantungan kepada

kemiskinan dikategorikan kepada kemiskinan mutlak dan relatif. Kemiskinan mutlak ialah keadaan kekurangan pendapatan untuk memenuhi sara hidup dengan pendapatan diterima kurang daripada PLI.

Kemiskinan relatif pula ialah perbandingan pendapatan purata dan bahagian pendapatan antara pelbagai kumpulan penduduk sama ada mengikut etnik, kawasan kediaman atau strata.

Umumnya, kemiskinan berpunca daripada pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan mental tidak seimbang dalam sebuah negara.

Secara khusus, kemiskinan disebabkan pelbagai faktor antaranya sikap individu tidak sanggup bekerja, memilih pekerjaan, mengharapkan bantuan kerajaan, berjudi, minum arak dan menagih dadah sama ada di bandar atau luar bandar.

Penyakit kronik seperti buah pinggang, kanser dan strok, masalah kecacatan umpannya kehilangan anggota dan penglihatan akibat kemalangan serta orang kurang upaya (OKU) sejak lahir serta terkini, wabak COVID-19 menyebabkan ramai tidak dapat bekerja.

Begini juga ketiadaan pemilikan harta seperti wang tunai, saham, bangunan, jentera dan tanah, penggantungan kepada

seorang sahaja yang menyumbang pendapatan kepada keluarga, ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan dan warga emas yang tidak mempunyai harta dan waris juga menyumbang kepada kemiskinan.

Proses urbanisasi dan modernisasi menyebabkan penghijrah dari kampung ke bandar.

Namun, sebahagian besar individu berhijrah tidak mempunyai kelulusan dan kemahiran diperlukan di bandar menyebabkan pekerjaan diperoleh memberi pendapatan rendah sedangkan kos sara hidup di bandar amat tinggi.

Penghijrahan dari kampung ke bandar juga menyebabkan hanya warga emas tinggal di kampung, terdapat banyak tanah terbiar, daya pengeluaran rendah dan pendapatan juga rendah.

Sistem ekonomi terbuka atau pasaran bebas menyebabkan pemodal atau pengusaha mempunyai modal yang banyak memperoleh keuntungan dan menjadi semakin kaya.

Pekerja hanya mendapat upah sedikit melebarkan lagi jurang kemiskinan. Situasi ekonomi semasa menuju ke arah kemelesetan atau berlakunya inflasi atau kedua-duanya sekali (deflasi) menyebabkan lebih ramai penduduk menjadi miskin akibat peluang pekerjaan terbatas.

pemberhentian pekerja dan kos sara hidup tinggi.

Selanjutnya, bencana alam seperti kemarau dan banjir juga menjadikan pendapatan serta menyumbang kepada kemiskinan.

Kerajaan mengadakan pelbagai dasar dan inisiatif serta membelanjakan ratusan bilion ringgit bagi mengurangkan kemiskinan.

Justeru, bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan keberhasilan maksimum, perubahan struktural dan metodologi perlu dilakukan bagi manajani isu kemiskinan.

Konsolidasi program, agensi peneraju dan pelaksana perlu dilakukan memandangkan program mengurangkan kemiskinan merentas pelbagai agensi kerajaan.

Dalam konteks ini, hanya satu agensi kerajaan menjadi agensi peneraju dan satu lagi agensi kerajaan bertindak sebagai agensi pelaksana.

Pelaksanaan program berfokus mengikut keperluan kumpulan sasaran melalui bantuan sara hidup, perniagaan dan peralatan penting bagi meningkatkan pendapatan.

Kempen berterusan dilakukan bagi menggalakkan penduduk bandar berpendapatan rendah melakukan kerja sam-

pingan bersesuaian bagi menambah pendapatan.

Penduduk kampung pula hendaklah menggunakan tanah secara maksimum dengan menanam sayur, buah-buahan dan bermiaga secara kecil-kecilan.

Program motivasi ke arah perubahan minda dan sikap rakyat perlu diadakan supaya rakyat tidak terlalu bergantung dengan bantuan sara hidup diberikan kerajaan.

Dasar kerajaan itu disokong Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam usaha membantu untuk mengurangkan kemiskinan rakyat.

Dalam konteks ini, Kursus Pengurusan Perniagaan dan Seminar Wawasan Kemakmuran Bersama dianjurkan bagi memberi perspektif menyeluruh mengenai kemiskinan dan pengkaedahan mengurangkan kemiskinan kepada pegawai awam.

Pendidikan kemahiran diutamakan supaya peserta mudah mendapat pekerjaan dan isu pengangguran serta kemiskinan boleh dikurangkan.

Pepatah Cina ada mengatakan: "Apabila anda berikan kepada seseorang, maka anda memberinya makan untuk satu hari; tetapi apabila anda mengajar seseorang memancing, maka anda akan memberinya makan seumur hidup."